



LKPP CORPORATION SDN BHD

199769-V

POLISI NDPE

(NO DEFORESTATION, NO PEAT, NO EXPLOITATION)

LKPP Corporation Sdn. Bhd. mengiktiraf bahawa keperluan pembangunan seharusnya memberi manfaat sosial kepada semua pihak seiring dengan Polisi NDPE serta selaras dengan prinsip dan kriteria yang tetapkan oleh MSPO (Malaysian Sustainable Palm Oil).

Bagi memelihara hutan, tanah gambut dan hak asasi manusia, Syarikat dengan ini komited untuk :-

- ❖ Pembukaan dan pembangunan kawasan tanaman sawit baharu tidak mendatangkan kesan negatif kepada hutan primer, kawasan Nilai Konservasi Tinggi (HCV), kawasan Stok Karbon Tinggi (HCS), tanah rapuh dan marginal serta tanah penduduk tempatan.
- ❖ Pembukaan dan pembangunan kawasan tanaman sawit baharu di tanah gambut perlu mengira kedalaman, Penilaian Stok Karbon, Penilaian HCV dan mengamalkan Amalan Pertanian Baik (GAP) bagi penanaman kelapa sawit di tanah gambut sedia ada.
- ❖ Semua anggota perkhidmatan dilayan dan diperlakukan dengan adil dalam aspek pengambilan kakitangan, peluang kenaikan pangkat, tanpa mengambilkira bangsa, kasta kerakyatan, jantina, warna kulit, kecacatan fizikal, keanggotaan kesatuan, pendirian politik, peringkat umur dan agama.
- ❖ Syarikat tidak membenarkan mana-mana individu di bawah 18 tahun diambil bekerja di premis berpandukan undang-undang semasa. Walaubagaimanapun, individu 18 tahun dibenarkan membantu dengan adanya pengawasan orang dewasa (penjaga), di mana bagi sebarang bentuk kemalangan adalah tanggungjawab penjaga kanak-kanak berkenaan dan Syarikat tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kecelakaan.
- ❖ Mematuhi semua peruntukan akta, peraturan dan undang-undang yang berkaitan sebagaimana tertakhluk dalam Akta Kanak-Kanak Dan Orang Muda (Pekerjaan) 1966 dan Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 2015.

Pematuhan arahan dalam polisi ini adalah tertakhluk kepada semua anggota perkhidmatan LKPP Corporation Sdn. Bhd. dan semua pihak yang berkepentingan dalam Syarikat serta pelawat yang memasuki ladang atau premis Syarikat.

A handwritten signature in black ink, appearing to read "d...".

AHMAD SHAHRIR BIN MAZLAN
Timbalan Pengurus Besar
b/p Pengurus Besar